

# Lelaki cederakan adik kandung dipenjara seminggu

**MIRI:** Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara seminggu oleh Mahkamah Majistret disini, semalam atas kesalahan mencederaan adik kandungnya.

Majistret Randu Rangen membuat keputusan itu selepas tertuduh, Mohammad Iqhuwan Mat, 42, dari Piasau Jaya Fasa 2 di sini, mengaku bersalah atas tuduhan yang dibacakan terhadapnya mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan dibaca

bersama Seksyen 326A kanun yang sama.

Seksyen 323 memperuntukkan hukuman penjarahingga setahun atau denda sehingga RM2,000 atau kedua-duanya sekali.

Manakala Seksyen 326A boleh membawa hukuman penjara dua kali ganda tempoh maksimum (penjara) yang diperuntukkan di bawah Seksyen 323, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati dengan sengaja telah menyebabkan cedera ke atas adik kandungnya yang berusia 30 tahun.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 5.30 petang, 25 Februari lalu di rumah keluarganya di Piasau Jaya Fasa 2 di sini.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman.